

SOALAN NO: 384

bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, khususnya bagi kandungan yang memenuhi intipati kesalahan berbentuk sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik. Jika disabitkan kesalahan, pihak yang terbabit boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Walau bagaimanapun, kesalahan di Internet dan media sosial tidak hanya termaktub di bawah bidang kuasa pihak SKMM semata-mata. Ia juga turut tertakluk di bawah bidang kuasa agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Setakat Januari hingga Julai 2017, pihak SKMM telah menerima sebanyak **1,150** aduan awam yang boleh dikaitkan dengan buli siber, yang meliputi gangguan atau "*harassment*" dengan izin, ancaman, tindakan menakutkan serta penyalahgunaan maklumat, butiran atau gambar peribadi bagi tujuan penganiayaan dan untuk memalukan atau mengaibkan individu tertentu.

Selain usaha bersifat penguatkuasaan, pelbagai program berbentuk kesedaran di seluruh negara turut dijalankan pihak SKMM. Program yang dijalankan antara lain bertujuan mendidik masyarakat dari aspek etika dan seterusnya bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial. Program yang dijalankan juga memupuk pengguna Internet agar lebih bertanggungjawab dan sama-sama mengekang kegiatan buli siber daripada terus menular.